

Dugong mungkin sudah pupus di China

HM 27/8/2022 MJ: 28


Beijing: Mamalia marin, dugong (*gambar*) yang sering mengunjungi perairan selatan China selama ratusan tahun dipercayai mungkin sudah pupus di negara itu.

Perkara itu disahkan menerusi satu kajian baharu yang didedahkan, Rabu lalu.

Penyelidikan dilakukan Persatuan Zoologi London (ZSL) dan Akademi Sains China berkata, aktiviti menangkap ikan, serangan kapal dan kehilangan habitat yang disebabkan manusia menyaksikan bilangan dugong di perairan China berkurangan dengan cepat dari 1970-an dan tahun seterusnya.

"Tanpa bukti kehadiran (dugong) di China sejak 2008, penyelidikan menunjukkan ini adalah kepupusan pertama mamalia besar di perairan pantai China.

"Habitat marin (dugong) dimusnahkan dengan pantas oleh manusia dan walaupun usaha pemulihan dan pemuliharaan adalah keutamaan utama di China, namun langkah itu mengambil masa yang mungkin tidak dimiliki dugong lagi," kata laporan itu seperti disiarkan CNN.



Dugong, yang sangat bergantung kepada diet rumput laut, diklasifikasikan sebagai Gred 1 Haiwan Utama Dilindungi Kebangsaan oleh Majlis Negara China, sejak 1988.

Mamalia itu boleh diitemukan di perairan pantai dari Afrika Timur ke Vanuatu dan sejauh ke utara Jepun.

Pengarang bersama kajian itu, Profesor Samuel Turvey dari Institut Zoologi ZSL berkata, kehilangan dugong di China adalah kerugian amat besar.

"Ketiadaan (dugong) bukan sahaja akan memberi kesan ke atas fungsi ekosistem, tetapi berfungsi sebagai peringatan bahawa kepupusan boleh berlaku sebelum tindakan pemuliharaan berkesan dapat dibangunkan," katanya.